

Media item

Full Text

MOSTI akan aktifkan 20 dron bantu bencana banjir

Utusan Borneo Sabah, Malaysia by Bernama

22 Dec 2021

General News - Page 0 - 287 words - ID my0046484026 - Photo: No -

Type: - Size: 154.00cm²

MOSTI akan aktifkan 20 dron bantu bencana banjir Bernama PUTRAJAYA: Sebanyak 20 dron berkuasa tinggi akan digerakkan bagi tujuan tinjauan dan penghantaran bekalan penting ke kawasan bencana banjir, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba. Beliau berkata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mendapat kerjasama daripada lima syarikat swasta untuk membekalkan 20 dron itu yang akan dikendalikan oleh Pasukan Tindakan Kecemasan Khas Perkhidmatan Dron (PTK2Dron). "Dron ini bukan sahaja boleh memantau dan mencari mangsa banjir yang mungkin terperangkap, tetapi juga keadaan jalan raya atau tebing seperti tanah runtuh yang mungkin terkesan akibat bencana ini," katanya kepada media selepas melancarkan Produk Teknologi Hijau DeScale, di sini semalam. Beliau berkata pihaknya masih menunggu kelulusan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk menerbangkan dron berkenaan secepat mungkin bagi membantu usaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bantuan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian PANTAU: Dr Adham menunjukkan gambar keadaan banjir yang dirakam melalui dron pada sidang media selepas pelancaran produk teknologi hijau DeScale di Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama Alam Sekitar dan Air (KASA) menilai keadaan semasa dengan lebih tepat di kawasan terjejas banjir, katanya. Dr Adham berkata dron akan memudahkan cara akses kepada visual dari udara (aerial view) bagi membantu agensi berkaitan dan pihak terbabit menyampaikan perkhidmatan kecemasan kepada mangsa banjir yang terkandas dan tiada akses kepada rangkaian komunikasi. Beliau berkata dron berteknologi tinggi itu boleh membawa muatan hingga 10 kilogram untuk setiap penghantaran dan melakukan penghantaran bekalan asas khususnya ubat dan makanan, terutamanya di kawasan yang sukar dicapai. Mengenai cerapan imej satelit, Dr Adham berkata sehingga semalam, kawasan yang digenangi air di Taman Sri Muda dan Seksyen 24, Shah Alam, Selangor menunjukkan pengurangan kira-kira 60 peratus berbanding Sabtu lepas, dan kawasan liputan banjir berkurangan daripada 5.1 kilometer persegi kepada kira-kira 2.1 kilometer persegi. Cerapan imej satelit di Pahang pula menunjukkan peningkatan kawasan yang digenangi air, katanya. — Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.